**Jadual 4.2.10(a): Keputusan SMU/SMTQ 2006**

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit									Lulus	
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	Jum	%
1	Al-Quran	5	6	3	8	5	7	11	3	0	48	100
2	Qiraat	14	18	3	4	2	2	3	2	0	48	100
3	Hifzul Mutun	42	5	1	0	0	0	0	0	0	48	100
4	Nahu & Sorf	34	8	2	2	0	2	0	0	0	48	100
5	Balaghah	36	7	3	1	1	0	0	0	0	48	100
6	Mutalaah & Insya'	3	26	2	4	4	4	3	2	0	48	100
7	Fiqh & Tauhid	33	13	0	0	0	0	0	0	0	48	100
8	Tafsir & Hadith	45	3	0	0	0	0	0	0	0	48	100
9	Bahasa Melayu	0	26	8	7	5	1	1	0	0	48	100
10	Bahasa Inggeris	1	13	8	8	8	6	4	0	0	48	100

#### Keputusan Keseluruhan

Sijil Kenyataan SMU	Bil	Peratus
Cemerlang	1	2.08
Pangkat 1	47	97.92
Pangkat 2	0	0
Pangkat 3	0	0
Gagal	0	0
Jumlah	48	100.0

### Pelajar Terbaik SMU/SMTQ

Bil	Nama	Pangkat	Agregat
1	Muhammad Nur Waafi b Baduldin	1 C	6
2	Muhamad Abdul Fatah b Razali	1	6
3	Ahmad Farhan Syah b Hasmuddin	1	6
4	Muhamad Zubair b Mayuti	1	6
5	Azuhan b Fauzi	1	6
6	Mohamad Nursalam b Hasan	1	6
7	Wan Khaidir b Wan Omar	1	6

Jadual 4.2.10(a) diatas menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan SMU/SMTQ tahun 2006. Pelajar-pelajar telah menunjukkan prestasi yang baik apabila memperolehi kelulusan 100% dalam semua matapelajaran iaitu Al-Quran, Al-Qiraat, Hifzul Mutun, Nahu & Sorf, Balaghah, Mutalaah & Insya', Fiqh & Tauhid, Tafsir & Hadith, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Seramai 48 orang calon telah menduduki peperiksaan SMU/SMTQ 2006. Seorang pelajar telah mendapat pangkat 1 cemerlang (mumtaz) iaitu Muhammad Nur Wafi b Baduldin, manakala 47 orang pelajar lagi telah mendapat pangkat 1.

### Jadual 4.2.10(b): Keputusan SPM 2006

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit									Lulus	
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	Jum	%
1	Bahasa Melayu	24	13	4	0	0	0	0	0	0	41	100
2	Bahasa Inggeris	4	7	6	8	7	3	5	1	0	41	100
3	Matematik	17	7	4	7	0	2	1	2	1	40	97.5
4	Sejarah	7	15	9	7	3	0	0	0	0	41	100
5	Sains	21	8	5	4	3	0	0	0	0	41	100
6	Pen. Al-Quran Sunnah	21	10	6	3	0	1	0	0	0	41	100
7	Pen Syariah Islamiah	17	12	8	2	0	1	0	0	1	40	97.5

8	Bahasa Arab Tinggi	2	7	9	8	10	3	2	0	0	41	100
9	Ekonomi Asas	7	10	5	4	7	6	2	0	0	41	100
10	Prinsip Akaun	25	4	4	5	1	2	0	0	0	41	100
11	Matematik Tambahan	0	2	4	3	1	3	4	2	0	20	100
12	Tasawwur Islam	4	15	16	1	0	0	0	0	0	36	100

### Keputusan Keseluruhan

Lulus	12	11	10	9	8	7	6	5	4	3	2	1	Gagal	Jumlah
Bil	18	19	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	41
%	43.9	46.3	9.8	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	100

### Pelajar Terbaik SPM 2006

Bil	Nama	Keputusan
1	Muhammad Issyam b Itam@ Ismail	10A1, 1A2 , 1B
2	Abdul Mu'iz b Muhamad Zamani	9A1, 2 A2, 1B
3	Muslihuddin b Shaary	8A1, 3A2, 1 B4
4	Muhammad Syafiq b Safiaian	8A1, 3A2, 1C6
5	Usamah b Baderol Allam	5A1, 6A2, 1 B3
6	Mohammad Adlly b Mohammad Bokhari	8A1, 2A2, 1B3
7	Wan Mohd Ihsan b wan Abdullah	6A1, 4A2, 2 B3
8	Muhammad Hafiz Ikram b Che Hassan	5A1, 5A2, 1B 3
9	Muhamad Nabil b Razali	8A1, 1A2, 1B3, 1C5
10	Muhammad Imran b Abdul Rashid	7A1, 2A2, 3B3 , 1B4
11	Amirul Hafidzi b Mohamad Zin	5A1, 4A2, 2B3
12	Ahmad Naim b Ahmad Lutfi	4A1, 5A2, 1B3, 2B4

Jadual 4.2.10(b) diatas menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM tahun 2006. Pelajar-pelajar telah menunjukkan pencapaian yang baik apabila memperolehi kelulusan 100% dalam 10 matapelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Sains, Pendidikan Al-Quran Sunnah, Pendidikan

Syariah Islamiah, Bahasa Arab Tinggi, Ekonomi Asas, Prinsip Akaun, Matematik Tambahan dan Tasawwur Islam. Pelajar terbaik SPM 2006 ialah Muhammad Issyam b Itam@Ismail yang telah memperolehi 11 A dan 1B. Dengan keputusan tersebut, Maahad Tahfiz telah berjaya mengekalkan kecemerlangan 100 peratus sejak 1996.

**Jadual 4.2.10(c): Keputusan STTQ 2006**

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit					Lulus	
		I	JJ	J	M	R	Jum	%
1	Al-Quran	9	6	5	10	0	30	100
2	Al-Qiraat	20	9	0	1	0	30	100
3	Hifzul Mutun	28	2	0	0	0	30	100
4	Rasmul Quran	7	15	7	1	0	30	100
5	Al-Fawasil	8	9	4	9	0	30	100
6	Feqah	29	1	0	0	0	30	100
7	Tauhid	17	12	1	0	0	30	100
8	Tafsir	26	3	1	0	0	30	100
9	Hadis	24	2	1	1	0	30	100
10	Qawaid Arabiah	12	9	3	6	0	30	100
11	Insyah' & Mutalaah	7	20	3	0	0	30	100
12	Arudh & Qafiah	10	7	3	10	0	30	100
13	Bahasa Inggeris	11	11	6	2	0	30	100

### Kesimpulan

Sijil Kenyataan STTQ	Bil	Peratus
Mumtaz	6	20
Jayyid Jiddan	22	73
Jayyid	1	3.5
Maqbul	1	3.5
Rasib (Gagal)	0	0
Jumlah	30	100

### **Pelajar terbaik STTQ**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Keputusan</b>
1	Nik Mohd Nabil b Ibrahim @ Nik Hanafi	Mumtaz
2	Ahmad Bazli b Ahmad Hilmi	Mumtaz
3	Yahya b Abdul Shukor	Mumtaz
4	Abdullah Hafizzan b Mokhtar	Mumtaz
5	Mohd Tarmizi b Mohd Affandi	Mumtaz
6	Mior Khabir Zikri b Mior Ahmad Zaini	Mumtaz

Jadual 4.2.10(C) diatas menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan STTQ tahun 2006. Pelajar-pelajar telah menunjukkan pencapaian yang baik apabila memperolehi kelulusan 100% dalam semua matapelajaran iaitu Al-Quran, Al-Qiraat, Hifzul Mutun, Rasmul Quran, Al-Fawasil, Feqah, Tauhid, Tafsir, Hadith, Qawaid Arabiah, Insya' & Mutalaah, Arudh & Qafiah dan Bahasa Inggeris. Daripada 30 orang calon bagi peperiksaan STTQ 2006, 6 orang daripadanya merupakan pelajar yang berjaya mendapat Mumtaz, 22 orang pelajar mendapat Jayyid Jiddan dan seorang mendapat Jayyid dan seorang pelajar mendapat Maqbul. Pelajar-pelajar cemerlang bagi peperiksaan STTQ 2006 ialah Nik Mohd Nabil b Ibrahim @ Nik Hanafi, Ahmad Bazli b Ahmad Hilmi, Yahya b Abdul Shukor, Abdullah Hafizzan b Mokhtar, Mohd Tarmizi b Mohd Affandi dan Mior Khabir Zikri b Mior Ahmad Zaini. Keputusan STTQ 2006 menunjukkan prestasi yang membanggakan di dalam semua matapelajarannya. Tahun 2006 telah menunjukkan prestasi pelajar semakin meningkat dalam ketiga-tiga peperiksaan sama ada dalam SMU/SMTQ, SPM dan STTQ.

Pada tahun 2006, peratusan pencapaian bagi sekolah-sekolah kawalan didahului Maahad Tahfiz Pulau Chondong 100 peratus, Maahad Muhammadi Perempuan (99.10 peratus) dan Maahad Muhammadi Pasir Pekan (97.70 peratus).<sup>17</sup>

#### 4.2.11 ANALISIS KEPUTUSAN SMU/SMTQ, SPM DAN STU/STTQ 2007

**Jadual 4.2.11(a): Keputusan SMU/SMTQ 2007**

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit									Lulus	
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	Jum	%
1	Al-Quran	11	12	6	6	6	4	0	1	0	46	100.00%
2	Qiraat	20	16	2	1	4	1	1	1	0	46	100.00%
3	Hifzul Mutun	24	10	4	3	2	2	0	1	0	46	100.00%
4	Nahu & Sorf	35	7	3	0	0	0	0	0	0	45	100.00%
5	Balaghah	33	9	0	0	3	0	0	0	1	45	97.83%
6	Mutalaah & Insyah	6	18	4	4	1	4	3	4	1	44	97.78%
7	Fiqh & Tauhid	41	4	0	0	0	1	0	0	0	46	100.00%
8	Tafsir & Hadith	31	10	3	1	0	1	0	0	0	46	100.00%
9	Bahasa Melayu	10	31	3	1	0	0	0	0	0	45	100.00%
10	Bahasa Inggeris	2	14	5	10	5	5	2	2	1	45	97.83%

#### Pelajar Terbaik SMU/SMTQ

Bil	Nama	Pangkat	Agregat
1	Izhaar Fazlie b Amin Bukhari	1C	6
2	Ahmad Muaz b Zakaria	1C	6
3	Muhammad Azfar b Suhaimi	1C	6
4	Wan Mohd Usaidi b Wan Subki	1C	6

<sup>17</sup> Nur Humairah Che Ibrahim, 2007, Berita PMR dan SMU 2006 dalam Harakah melalui <http://www.maahadmuhammadi.com/content/view/38/2/> (2 September 2008)

5	Muhammad Hafizin Jamil b Madrus	1C	6
6	Ahmad Azrin Afiq b Che Rahim	1C	6
7	Abd Razzak Othmani b.Abd Rahim	1C	6

Jadual 4.2.11(a) diatas menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan SMU/SMTQ tahun 2007. Pelajar-pelajar telah mendapat keputusan yang baik apabila memperolehi kelulusan 100% di dalam 7 matapelajaran iaitu Al-Quran, Al-Qiraat, Hifzul Mutun, Nahu Sorf, Feqah & Tauhid, Tafsir & Hadith dan Bahasa Melayu. Daripada 46 orang calon, 7 orang daripadanya merupakan pelajar yang berjaya mendapat cemerlang (Mumtaz). Pelajar-pelajar cemerlang bagi peperiksaan SMU/SMTQ 2007 ialah Izhaar Fazlie b Amin Bukhari, Ahmad Muaz b Zakaria, Muhammad Azfar b Suhaimi, Wan Mohd Usaidi b Wan Subki, Muhammad Hafizin Jamil b Madrus, Ahmad Azrin Afiq b Che Rahim dan Abd Razzak Othmani b.Abd Rahim. Keputusan SMU/SMTQ 2007 menunjukkan pelajar-pelajar masih berjaya mengekalkan kecemerlangan mereka dalam akademik.

**Jadual 4.2.11(b): Keputusan SPM 2007**

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit									Lulus	
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	Jum	%
1	Bahasa Melayu	21	16	11	0	0	0	0	0	0	48	100
2	Bahasa Inggeris	3	4	7	15	8	4	6	1	0	48	100
3	Sejarah	16	9	8	7	6	1	1	0	0	48	100
4	Matematik	20	11	9	2	1	2	2	1	0	48	100
5	Sains	27	9	4	1	1	0	0	0	0	42	100
6	Bahasa Arab Tinggi	9	14	10	7	4	3	1	0	0	48	100
7	Prinsip Perakaunan	20	11	6	8	2	0	1	0	0	48	100
8	Ekonomi Asas	5	4	9	14	9	5	1	1	0	48	100



9	Pen. Al-Quran Sunnah	31	14	2	1	0	0	0	0	0	48	100
10	Pen Syariah Islamiah	23	11	10	4	0	0	0	0	0	48	100
11	Tasawwur Islam	7	13	6	1	0	0	0	0	0	27	100
12	Matematik Tambahan	3	7	1	4	3	4	1	0	0	23	100
13	Fizik	0	0	4	1	1	2	1	0	0	9	100
14	Kimia	0	0	2	2	1	2	1	0	0	8	100
15	Biologi	0	1	0	2	1	0	1	0	0	5	100
16	Pendidikan Islam	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	100
17	Geografi	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	100
18	Perdagangan	2	0	0	0	0	0	0	0	0	2	100
19	P.Kejuruteraan Awam	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	100

### Senarai pelajar terbaik

Bil	Nama Pelajar	1A	2A	3B	4B	5C
1	Ahmad Farhan Syah b Hasmuddin	13	0	3	3	
2	Muhammad Adam b Mohd Adnan	11	1	0	0	1
3	Mohamad Nursalam b Hasan	11	0	0	0	1
4	Muhammad Khairul Azizi b Abd Rahim	8	3	1	1	1
5	Muhammad Nur Waafi b Badrudin	8	3	0	0	0
6	Mohamad Izwan b Rahim	8	3	0	0	0

Jadual 4.2.11(b) diatas menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM tahun 2007. Pelajar-pelajar telah menunjukkan prestasi yang baik apabila telah mencapai kelulusan 100% di dalam semua matapelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains, Bahasa Arab Tinggi, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas, Pendidikan Al-Quran Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah, Tasawwur Islam, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, Pendidikan Islam, Geografi, Perdagangan dan P.Kejuruteraan Awam.

Daripada 48 orang calon bagi peperiksaan SPM 2007, kesemuanya telah lulus di dalam peperiksaan ini. Pelajar-pelajar cemerlang dan terbaik bagi peperiksaan SPM 2007 ialah Ahmad Farhan Syah b Hasmuddin. Keputusan SPM 2007 juga menunjukkan pelajar terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam akademik.

**Jadual 4.2.11(c): Keputusan STTQ 2007**

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit					Lulus	
		I	JJ	J	M	R	Jum	%
1	Al-Quran	7	4	5	10	4	26	100
2	Al-Qiraat	0	10	2	8	0	30	100
3	Hifzul Mutun	14	13	3	0	0	30	100
4	Rasmul Quran	9	17	3	1	0	30	100
5	Al-Fawasil	3	8	3	15	1	29	100
6	Feqah	14	12	3	1	0	30	100
7	Tauhid	4	13	5	8	0	30	100
8	Tafsir	8	13	4	5	0	30	100
9	Hadis	12	7	6	5	0	29	100
10	Qawaid Arabiah	7	7	8	8	0	30	100
11	Insyah' & Mutalaah	8	17	4	1	0	30	100
12	Arudh & Qafiah	0	5	6	18	1	29	100
13	Bahasa Inggeris	0	17	8	5	0	30	100

#### Keputusan Keseluruhan

Sijil Kenyataan STTQ	Bil	Peratus
Mumtaz	1	3.3
Jayyid Jiddan	14	46.7
Jayyid	9	30
Maqbul	2	6.7
Rasib (Gagal)	4	13.7
Jumlah	30	100

### **Pelajar terbaik STTQ**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Keputusan</b>
1	Muhammad Issyam b Itam @ Ismail	Mumtaz
2	Lokman Hamidi bin Abdullah	Mumtaz
3	Khairul Anwar b Abd Manaf	Mumtaz
4	Ahmad Fa'iz b Shukeri	Mumtaz
5	Muhammad Ammar Farhan b Ramlan	Mumtaz

Jadual 4.2.11(c) diatas menunjukkan prestasi pelajar di dalam peperiksaan STTQ bagi tahun 2007. Pelajar-pelajar terus menunjukkan prestasi yang baik apabila memperolehi kelulusan 100% dalam 9 matapelajaran iaitu Al-Qiraat, Hifzul Mutun, Rasmul Quran, Feqah, Tauhid, Tafsir, Qawaid Arabiah, Insyah' & Mutalaah dan Bahasa Inggeris. Daripada 30 orang calon, seorang pelajar berjaya memperolehi Mumtaz, 14 orang pelajar mendapat Jayyid Jiddan dan 9 orang pelajar mendapat Jayyid, 2 orang pelajar mendapat Maqbul dan 4 orang mendapat Rasib. Pelajar-pelajar cemerlang dan terbaik bagi peperiksaan STTQ 2007 ialah Muhammad Issyam b Itam @ Ismail, Lokman Hamidi b Abdullah, Khairul Anwar b Abd Manaf, Ahmad Faiz b Shukeri dan Muhammad Ammar Farhan b Ramlan. Keputusan STTQ 2007 terus membuktikan kemampuan pelajar MTAQPC mengekalkan kecemerlangan dalam akademik. Bagaimanapun pencapaian pelajar dalam matapelajaran al-Quran agak merosot kerana terdapat 4 orang pelajar yang gagal dalam matapelajaran ini.

#### 4.3 PERLAKSANAAN KAEDAH PENGHAFAZAN DI MTAQPC

Pelajar-pelajar yang mendaftar di maahad tahfiz ini kesemuanya telahpun khatam al-Quran mengikut syarat yang telah ditetapkan kepada semua pelajar yang ingin memasuki maahad tahfiz ini. Ianya bertujuan agar pelajar dapat menghafaz al-Quran dengan mudah apabila telah mengkhatamkan al-Quran. Sekurang-kurangnya setiap pelajar dapat mengetahui serba sedikit tentang al-Quran dari sudut bilangan ayat dan surah-surah yang terdapat di dalam al-Quran.

Pihak MTAQPC telah menentukan kaedah penghafazan yang khusus kepada pelajar-pelajarnya dalam menghafaz al-Quran. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru-guru MTAQPC ketika mengajar subjek hafazan al-Quran adalah seperti membetulkan sebutan, penggunaan mushaf yang khusus, menentukan kadar hafalan, membaca doa sebelum menghafal dan sebagainya.

Kaedah atau cara berkesan untuk membantu pelajar menguatkan hafazan ialah dengan menguruskan masa dengan baik secara berjadual, memberi masa yang khusus kepada pelajar untuk mengulangkaji al-Quran pada setiap hari, menjaga pemakanan seperti mengambil pemakanan yang berkhasiat, penguat ingatan<sup>18</sup>, dari sumber yang halal seperti memperbanyakkan memakan kismis dan air zam-zam serta menjauhi

---

<sup>18</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah, mula berkhidmat di MTAQ pada 4 Jul 1999. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Arab (FEQAH) Universiti of Jordan. Beliau juga memiliki Diploma Tahfiz Al-Quran wa Al-Qiraat (Pusat Islam JAKIM). Beliau meneruskan pengajian ke Sarjana Usuluddin dalam Bidang Al-Quran wa Al-Qiraat (2003) di Universiti Malaya. Penolong kanan Pentadbiran, Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas, pernah menjadi tenaga pengajar di MTAQ. Temubual pada 22 Oktober 2008.

makanan yang syubhah<sup>19</sup>. Pelajar perlu sentiasa mengulang hafalan iaitu mengulang hafalan selepas solat setiap waktu dan menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan harian.<sup>20</sup> Kaedah *muraja'ah* dan ulangkaji pada bacaan yang telah dihafaz contohnya semasa menjadi imam tarawikh dapat memperkuat ingatan terhadap surah-surah yang telah dihafaz.<sup>21</sup> Kaedah yang ada di dalam al-Quran ialah tasmi' serta mengulang setiap waktu yang terluang.<sup>22</sup> Manakala kaedah yang paling berkesan untuk menguatkan hafazan ialah usaha yang berterusan untuk *muraja'ah* hafazannya. Usaha ini perlu dilampirkan dengan jadual yang sistematik yang disusun sendiri sesuai dengan kehidupan hariannya. Ketika menyusun jadual ada beberapa aspek yang perlu diambil kira antaranya waktu yang paling sesuai untuk mengulang dan menghafaz seperti waktu subuh dan malam hari, begitu juga sukatan *muraja'ah* harian atau mingguan dan perlu situasi serta tempat yang sesuai. Pelajar tersebut juga hendaklah sentiasa memohon bantuan dari Allah agar dipermudahkan dan dipelihara hafazannya kerana walau apapun usahanya, kurniaan itu tetap dari Allah sesuai dengan hadis: "Sesungguhnya aku hanya membahagi-bahagikan dan Allahlah yang mengurniakan."<sup>23</sup>

Di samping itu pelajar-pelajar perlu menanam dalam dirinya rasa cinta pada al-Quran. Antara ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang hafiz ialah: Bertaqwa

---

<sup>19</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008, Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>20</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>21</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual 22 Oktober 2008.

<sup>22</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>23</sup> Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual 28 Oktober 2008.

kepada Allah, melengkapakan diri dengan mempelajari semua bidang ilmu<sup>24</sup>, berakhlak sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah<sup>25</sup>, amanah iaitu bertanggungjawab pada al-Quran yang dihafal<sup>26</sup>, berperibadi mulia, mempunyai sifat-sifat mahmudah, zuhud,<sup>27</sup> bertanggungjawab untuk mempraktik dan memahami tujuan al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t dan mengamalkannya dalam kehidupan,<sup>28</sup> seterusnya berakhlak dengan akhlak al-Quran iaitu bukan sekadar hafalan sahaja<sup>29</sup>.

Seorang hafiz juga perlu menjadi seorang cerdik pandai,<sup>30</sup> mempunyai sifat ikhlas dan merapatkan diri dengan Allah dalam erti kata hubungan makhluk kepada Allah<sup>31</sup>, menghormati ibu bapa dan guru<sup>32</sup>, menghindari maksiat<sup>33</sup> dan banyak melakukan solat tahajjud.<sup>34</sup> Semua ciri ini harus ada pada seorang muslim tiada beza

---

<sup>24</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008, Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>25</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman, Ketua Warden asrama 2008, setiausaha peperiksaan 2007, 2008, guru disiplin 2008, guru kokurikulum 2007, mendapat pendidikan di MTAQ 1991-1998. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>26</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed, generasi ketiga MTAQ, kini menjadi tenaga pengajar di MTAQ. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>27</sup> Shahrudin Yaakob, tenaga pengajar MTAQ 2003- 2008. Temubual pada 21 Oktober 2008, Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>28</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din, generasi ketiga MTAQ. Temubual pada 13 Oktober 2008, Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>29</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman, generasi pertama MTAQ. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>30</sup> Mirza Alauddin Razali, (2008), Pelajar MTAQ 1995-2001, generasi keempat, SMU 9 agregat, SPM 6A 1B 2C 1D, STTQ pangkat 1, setiausaha pengawas 1999-2000, Ketua kelab nasyid, kini guru Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>31</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah, Generasi MTAQ pertama, SMU dan SMTQ 6 agregat, ketua pelajar. Temubual pada 22 Oktober 2008, Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>32</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>33</sup> Shahrudin Yaakob (2008), tenaga pengajar MTAQ 2003- 2008. Temubual pada 21 Oktober 2008. Raja M. Adib bin Raja Mohamed, (2008), Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>34</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

antara al-hafiz atau sebaliknya<sup>35</sup>. Ciri-ciri ini juga terlalu banyak disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis juga dihuraikan oleh para ulamak terutamanya Imam Ghazali dalam kitab-kitabnya. Kesimpulannya seorang hafiz hendaklah mengikuti apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya di dalam kehidupannya dan mengambil Islam sebagai cara hidup dan panduan. Sebagai al-hafiz secara khusus ada beberapa ciri tambahan yang perlu dimilikinya sesuai dengan *title* yang dipikunya.

Ciri-ciri ini telah disebut secara khusus oleh para ulamak antaranya Imam Ajurri dalam kitabnya Akhlak Hamalatul Quran, Imam al Qurthubi dalam beberapa karangannya dan banyak lagi. Antara ciri-ciri tersebut ialah ikhlas kepada Allah ketika menuntut ilmu al-Quran, sentiasa membaca al-Quran siang dan malam, di dalam solat dan di luar supaya tidak lupa al-Quran yang dihafalnya sehinggakan berbeza dari orang kebanyakan dari sudut tersebut. Boleh disimpulkan disini ialah seorang al hafiz hendaklah lebih `lebai` dari orang lain yang tidak menghafal al Quran. Kelebaiannya hendaklah melambangkan *title* hafiz yang dipegangnya.<sup>36</sup>

Faktor golongan huffaz dapat mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang iaitu tahfiz dan akademik bermula tahun 1992 sehingga tahun 2007 ialah kerana penguasaan Al-Quran membuka ruang kepada penguasaan dalam akademik

---

<sup>35</sup> Nik Muhammad Nik Man, Generasi MTAQ kelima, SMU 7 agregat, SPM 6A 2B, pernah menjadi exco majlis pelajar dan terlibat dengan nasyid di MTAQ, sekarang sedang menuntut ijazah sarjana di UIA. Temubual pada 22 Oktober 2009.

<sup>36</sup>Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim, generasi ketiga MTAQ, Sijil menengah agama1997: 7 aggregate, :Sijil pelajaran malaysia1998: 7 agregat, Sijil tinggi agama1999: 6 aggregate(anugerah pelajar terbaik1999 STU), : Diploma jakim : jayyid jiddan, Sepanjang pengajian di MTAQ, pernah dilantik sebagai pengawas, tim.s/u badan redaksi, tim.bendahari badan akademik. Kini bertugas di UKM sebagai guru bahasa Arab. Temubual pada 28 Oktober 2008.

dengan kata lain keberkatan Al-Quran menyebabkan kecemerlangan akademik.<sup>37</sup> Sememangnya setiap orang yang menghafal al-Quran mempunyai minda yang tajam dan mudah untuk menguasai ilmu-ilmu yang lain.<sup>38</sup> Memang hafalan al-Quran memberi kesan yang positif itu janji Allah di dalam al-Quran.<sup>39</sup> Allah s.w.t telah berfirman:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Surah *al-Hijr*, (15): 9

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Dhikr (al-Qur’an) sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya”.*

Hubungan al-Hafiz dengan Allah, mereka adalah ‘ahlu Allah’ yang mempunyai hati yang bersih dan minda yang sentiasa diasah.<sup>40</sup> Golongan huffaz telah menghafal sumber ilmu di dunia iaitu al-Quran, maka perkara lain akan mudah dan membantu kecemerlangan dan memudahkan mengingati bidang akademik.<sup>41</sup>

Golongan huffaz boleh cemerlang dalam tahfiz dan akademik kerana al-Quran membantu dalam semua aspek kehidupan. Al-Quran membuatkan seseorang hafiz dapat mengawal diri mereka seterusnya berjaya dalam hidup.<sup>42</sup> Untuk menjadi seorang huffaz yang berjaya, ciri-ciri yang perlu wujud pada dirinya ialah perlu fokus

---

<sup>37</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>38</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>39</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman . Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>40</sup> Shahrudin Yaakob, tenaga pengajar MTAQ 2003- 2008. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>41</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>42</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual 22 Oktober 2008



pada hafalannya dan minat yang mendalam untuk menghasilkan kecemerlangan.<sup>43</sup> Latihan menghafaz dan melatih otak akan melahirkan kesempurnaan.<sup>44</sup> Faktor terbesar adalah keberkatan al-Quran yang telah dihafal.<sup>45</sup> Lazimnya mereka yang menghafal al-Quran pencapaiannya lebih cemerlang kerana ilmu terdapat di dalamnya<sup>46</sup>

Kecemerlangan di dalam bidang tahfiz agak sukar untuk diuraikan tetapi dalam bidang akademik ada banyak faktor antaranya disiplin. Untuk menghafal dan menjaga al-Quran mereka perlu banyak berdisiplin dalam kehidupan seharian. Disiplin yang mereka perolehi ketika menghafal dan menjaga al-Quran ini sedikit sebanyak membantu mereka mendisiplinkan diri dalam bidang akademik juga. Faktor yang lain ialah mereka telah dibantu dengan al-Quran yang telah mereka hafaz untuk menguasai beberapa subjek, terutamanya dalam Pengajian Islam. Ini kerana subjek-subjek tersebut mengandungi ayat-ayat al-Quran sebagai paksi utama yang telah pun diketahui ataupun sekurang-kurangnya dihafaz oleh mereka. Faktor lain mungkin pertolongan Allah yang sentiasa berada bersama ahlulquran.<sup>47</sup>

Keberkesanan kaedah yang disediakan oleh MTAQ mampu membantu para pelajar menguatkan hafazan. Kaedah yang sedia di MTAQ membantu menguatkan hafazan pelajar walaupun tidak di tahap yang maksimum. Ini adalah di sebabkan

---

<sup>43</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>44</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>45</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>46</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>47</sup> Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

MTAQ memberi penekanan kepada kedua-dua bidang iaitu hafalan dan akademik.<sup>48</sup> Kaedah di MTAQ mampu membantu pelajar tetapi bagi pelajar yang terpilih sahaja, bagi pelajar yang agak lemah sedikit mungkin kaedah tersebut tidak sesuai.<sup>49</sup> Kaedah yang dipraktikkan telah dikenal pasti dan merupakan cara terbaik untuk memudahkan pelajar menghafal dan telah dipraktikkan oleh generasi awal penubuhan.<sup>50</sup>

Kaedah yang disediakan MTAQ berkesan kerana selepas pelajar tamat hafalan 1 juz, mereka akan diuji oleh guru. Mereka tidak dapat berpindah ke juz yang baru selagimana belum lulus juz yang diuji.<sup>51</sup> Kaedah yang dilakukan mampu melahirkan penghafaz al-Quran<sup>52</sup> dan amat berkesan membantu para pelajar menjaga hafalan.<sup>53</sup> Sistem yang disediakan oleh pihak sekolah ini tiada di maahad tahfiz yang lain, iaitu tempoh hafalan dalam masa yang lama iaitu 5 hingga 7 tahun.<sup>54</sup>

Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai di MTAQ yang membantu pelajar menguatkan hafazan. Pertama kaedah 7 pipi. Kaedah ini diperkenalkan oleh ustaz Nazaruddin bertujuan membantu pelajar menguatkan hafazan yang sedia ada sambil menghafal yang baru. Kedua, Sukatan hafazan tahunan yang tidak membebankan. Di MTAQ para pelajar diminta mengambil masa 6 tahun untuk menghabiskan Al-Quran 30 juzuk. 30 juzuk tersebut dibahagi-bahagi mengikut

---

<sup>48</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>49</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>50</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>51</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>52</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>53</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>54</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008, Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

sukatan yang tersendiri dan akan selesai dalam masa 6 tahun. Tujuannya agar pelajar sempat mengulang hafalan dan tidak memberatkan mereka dengan menghafal semata-mata. Mereka akan mempunyai masa yang mencukupi untuk menguatkan hafazan mereka yang sedia ada dengan tidak dihambat dengan sukatan hafalan yang banyak. Peruntukan masa diberikan untuk Al-Quran 4 jam sehari secara rasmi.<sup>55</sup> Setelah dari awal dilatih cara membahagikan masa untuk hafalan dan akademik,<sup>56</sup> maka dengan mengingat al-Quran, bidang akademik menjadi mudah.<sup>57</sup> Biasanya hafalan akan diulang atau dibaca selepas waktu solat. Akademik pula pada waktu prep, biasanya pada pukul 3 hingga 4 petang dan 10 hingga 11 malam.<sup>58</sup> Jadual telah disediakan oleh pihak sekolah dan kelebihan tersendiri yang dimiliki oleh pelajar untuk menguruskan masa dengan sempurna.<sup>59</sup>

Hafalan al-Quran tidak memerlukan masa yang banyak, 3 jam yang berkualiti sudah mencukupi. Ketenangan yang lahir dari jam-jam yang berkualiti ini memberi kekuatan belajar.<sup>60</sup> Ianya mengikut keadaan peribadi dan akademik mengikut jadual yang disediakan oleh pihak MTAQ.<sup>61</sup> Sebenarnya pembahagian masa antara hafalan dan akademik bergantung kepada seseorang individu dan kadangkala bergantung kepada sistem yang berkuatkuasa di institusi yang dimasukinya. Pembahagian masa hendaklah sesuai dan selaras dengan aktiviti hariannya seperti waktu persekolahan dan waktu rehat. Jadi cara pembahagian agak berbeza. Tetapi masa antara keduanya

---

<sup>55</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>56</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>57</sup> Shahrudin Yaakob. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>58</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>59</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>60</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>61</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

mestilah seimbang dan mencukupi. Selalunya waktu subuh dan selepas maghrib adalah untuk hafalan dan siang hari untuk akademik. Malam pula dibahagi dua iaitu antara hafalan dan akademik.<sup>62</sup>

Pelajar juga dijaga dari sudut aspek pemakanan di mana makanan yang dibimbangi menggugat hafalan seperti maggi dan air batu dilarang keras pengambilannya. Tidak lupa sistem di MTAQ yang tidak membenarkan pelajar keluar dari perkarangan sekolah walaupun di hujung minggu membantu pelajar menumpukan perhatian mereka kepada al-Quran. Sistem cuti sekolah di MTAQ berbeza dengan sekolah-sekolah yang lain, pelajar bercuti seminggu selepas 7 atau 8 minggu bersekolah. Ada lagi beberapa pendekatan yang diambil oleh pihak MTAQ untuk membantu pelajar secara langsung atau tidak untuk menguatkan hafalan mereka, tetapi kekuatan hafazan pelajar tetap bergantung kepada diri pelajar itu sendiri. Usaha dan pertolongan Allah sahajalah penentunya.

Bagaimanapun, MTAQ telah berjaya sekadar yang termampu menjadi sebuah institusi tahfiz al-Quran untuk membantu pelajarnya-pelajarnya.<sup>63</sup> MTAQPC telah menempa kejayaan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa contohnya pada tahun 2002 terdapat wakil musabaqah ke Arab Saudi dan begitu juga pada tahun 2005 juga terdapat wakil ke Mesir.<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Al Muslim bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>63</sup> Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>64</sup> Shahrudin Yaakob. Temubual pada 21 Oktober 2008.

Hafalan memberi kesan positif terhadap kecemerlangan akademik dan syahsiah sekiranya sudah sebatik dalam diri pelajar tersebut.<sup>65</sup> Al-Quran suatu yang susah, namun apabila seseorang itu mampu menguasai hafalan al-Quran akan menyebabkan kemudahan untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik, tidak dapat dinafikan mereka yang dekat dengan al-Quran adalah yang baik akademik dan syahsiah.<sup>66</sup>

Hafalan al-Quran memberi kesan positif kerana mereka akan terikat daripada melakukan perkara yang jahat.<sup>67</sup> Apabila dalam diri mempunyai al-Quran, maka ia menyumbang ke arah kecemerlangan pelajaran<sup>68</sup> dan memberi motivasi dan pendorong kepada pelajar untuk berakhlak mulia dan bersyaksiah tinggi. Ini kerana wujudnya kesedaran bahawa dia sedang membawa imej al-Quran dalam dirinya. Begitu juga masyarakat menyanjungi dan memberi perhatian kepadanya. Dari situ dia akan berhati-hati dan sentiasa menjaga dirinya. Mungkin juga dia akan sedar bahawa dosanya juga akan berganda sekiranya melakukan kesilapan.<sup>69</sup>

MTAQ semakin menyerlah dari segi kecemerlangan akademik.<sup>70</sup> Semakin hari semakin diminati oleh masyarakat.<sup>71</sup> Selaras dengan manifesto kerajaan negeri Kelantan yang ingin mewujudkan satu keluarga satu hafiz dan satu jajahan satu maahad tahfiz. Semakin berkembang dan menjadi tumpuan untuk menghafal al-

---

<sup>65</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>66</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>67</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>68</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>69</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>70</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>71</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

Quran. MTAQ semakin membangun<sup>72</sup> dan semakin berkembang pesat atas permintaan yang tinggi daripada masyarakat.<sup>73</sup> Sekarang ini maahad tahfiz mula bercambah di merata-rata tempat di seluruh negara. Ia sebenarnya telah lama bercambah tetapi apa yang berlaku sekarang agak berlainan kerana maahad-maahad tahfiz sekarang mula menawarkan pelajaran akademik mengikut arus pendidikan negara bahkan ada yang menawarkan aliran Sains kepada pelajar mereka. Ini agak berbeza dengan 10 tahun dahulu di mana mereka hanya menawarkan tempat untuk menghafal al-Quran dan beberapa subjek Pengajian Islam sebagai ilmu tambahan semata-mata. Justeru pemantauan amat perlu dilakukan agar nama baik institusi tahfiz dapat dijaga dan tidak dipandang serong oleh masyarakat.<sup>74</sup>

Selain itu, kecemerlangan pelajar-pelajar di MTAQPC dapat dilihat dalam pelbagai aspek, antaranya:

### **1- Penglibatan pelajar dalam kokurikulum**

Selain mampu mencapai kecemerlangan di dalam bidang akademik pelajar-pelajar MTAQ juga begitu aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dan kegiatan bersama masyarakat contohnya pertandingan ”*Master Speed 2005*”, gotong-royong perdana, penglibatan dalam kem kepimpinan Pelajar YIK’05 dan program ”Ihya Ramadhan/1426.”<sup>75</sup>

---

<sup>72</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>73</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>74</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>75</sup> *Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong*, (2005) Al-Hafiz, bil ke-8, h.45-52.

## 2- Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran di MTAQ

Bilangan Huffaz Berdaftar MTAQ<sup>76</sup> mengikut tahun adalah seperti berikut:

Bilangan Huffaz	Tahun
2 orang	1996
6 orang	1997
35 orang	1998
32 orang	1999
32 orang	2000
27 orang	2001
29 orang	2002
25 orang	2003
11 orang	2004
22orang	2005
61 orang	2006
46 orang	2007

Berdasarkan analisa bilangan huffaz berdaftar di MTAQ bermula tahun 1997 sehingga tahun 2006, dapat dirumuskan secara keseluruhannya, pencapaian serta peningkatan pelajar-pelajar MTAQ dalam bidang hafazan al-Quran amat baik.

---

<sup>76</sup> *Ibid*, h.49.

### **3- Penghayatan ajaran Islam**

Penulis mendapati hafazan al-Quran telah memberikan kesan yang besar dalam kehidupan seseorang huffaz, selain mampu berjaya dengan cemerlang dan bersyahsiah mulia, mereka juga dapat mempraktikkan amalan ibadah dengan sempurna bahkan dapat menghayati serta membudayakan ajaran Islam dalam setiap tatacara kehidupan.

#### **4.4 MASALAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

##### **4.4.1 MINAT**

Minat adalah sesuatu yang penting bagi melahirkan kecemerlangan kepada pelajar. Sebagai pelajar MTAQ, mereka mestilah mempunyai minat yang mendalam dalam hafazan Al-Quran. Di samping itu mereka pelajar jua mestilah menumpukan perhatian mereka dalam pembelajaran supaya keseimbangan pelajaran mereka akan membuahkan kejayaan kepada Islam bagi melahirkan para huffāz yang terbilang seiring dengan tuntutan Islam dari segi duniawi dan ukhrawi.

##### **4.4.2 KEBOLEHAN**

Para pelajar yang memasuki MTAQ adalah pelajar yang terpilih iaitu mestilah mendapat keputusan 4A atau 5A dalam UPSR. Oleh yang demikian, dengan



kecemerlangan yang diperolehi ini menyebabkan mereka mampu menguasai akademik dan hafalan sekaligus.

#### **4.4.3 MASA**

Waktu bagi pelajar di MTAQ ini amat ketat dengan jadual pengajian dan hafalan, mereka yang bijak membahagikan masa dan mematuhi jadual waktu secara konsisten memudahkan mereka mencapai kejayaan.

#### **4.4.4 KRITERIA GURU**

Kriteria guru merupakan sesuatu penting bagi meningkatkan kejayaan sebuah institusi pengajian. Sehubungan dengan itu bagi melahirkan para pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan al-Quran MTAQ telah menilai tenaga pelajar mereka melalui kelulusan ijazah dalam pelbagai bidang. Guru dalam bidang tahfiz al-Quran kebanyakannya lepasan dari Darul Quran (JAKIM), Maahad Qirāat Shubrā, Mesir dan selainnya. Manakala guru-guru dalam bidang agama dan bahasa Arab terdiri daripada mereka yang berkelulusan daripada Universiti luar negara dan tempatan.

Selain dari itu bagi memantapkan akademik para pelajar dan melengkapkan proses pendidikan yang seimbang dengan semasa pihak MTAQ juga menggunakan khidmat guru-guru yang mahir dalam bidang-bidang akademik.

#### **4.4.5 SUASANA PEMBELAJARAN**

Suasana pembelajaran di MTAQ terbahagi kepada dua iaitu, sesi hafazan dan sesi akademik. Manakala sesi pengajian tahfiz tambahan pula bermula selepas solat maghrib. Melalui sistem pembelajaran yang begitu teratur, pelajar sentiasa mempunyai banyak masa untuk menghafal Al-quran.

#### **4.4.6 KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN**

Kemudahan yang disediakan dapat membantu memudahkan hafazan al-Quran dan kecemerlangan pelajar dalam akademik. Contohnya makmal sains, makmal ICT, dan perpustakaan dapat memberikan kemudahan kepada para pelajar.

#### **4.5 BUDAYA KECERMELANGAN DALAM AKADEMIK**

Kebiasaannya para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan penting contohnya PMRU, PMR, SMU, SPM dan STTQ atau STAM akan berbincang sesama mereka bagi mengekalkan keputusan cemerlang yang telah dicapai oleh para pelajar terdahulu. Para pelajar juga akan berbincang sesama mereka dalam menanggapi kelompok pelajar yang lemah dalam pelajaran agar rakan-rakan mereka juga berjaya seperti mereka.

Wujudnya semangat berlumba-lumba dikalangan pelajar semasa peperiksaan akhir tahun bagi mengekalkan keputusan cemerlang. Sekiranya terdapat individu dari kelompok tersebut gagal dalam peperiksaan, maka individu itu akan dipersalahkan.

#### **4.6 PERANAN GURU DALAM ASPEK KECERMELANGAN PELAJAR**

Guru yang mengajar subjek tertentu akan berbincang sesama mereka untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan para pelajar. Setelah dikenalpasti para pelajar yang lemah, maka pengetua akan berbincang dengan guru tersebut dan mencari jalan penyelesaian bagi menangani masalah serta kelemahan para pelajar tersebut.

Pelajar yang lemah dalam subjek tertentu, mereka akan diberi keistimewaan oleh guru yang mengajar subjek tersebut. Keistimewaan yang dimaksudkan ialah guru akan mengatur sesi perjumpaan dengan pelajar tersebut seminggu sekali dan proses peningkatan pelajar ini akan dipantau oleh pengetua. Sekiranya masih terdapat pelajar yang lemah dalam pelajaran, guru akan memanggil ibu bapa pelajar tersebut dan berbincang tentang prestasi pelajar itu. Langkah-langkah ini diambil bagi menangani kelemahan pelajar tersebut.<sup>77</sup>

Kehidupan guru dan pentadbir bersama pelajar sepenuh masa. Sikap guru dan cara pengajaran meletakkan keikhlasan dalam diri guru itu sendiri sehingga

---

<sup>77</sup> Ustaz Ubaidillah bin Yusoff, menyandang jawatan Guru Kokurikulum pada tahun 1997 sehingga tahun 2004. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Al-Azhar Mesir pada tahun 1992 hingga 1997. Sarjana Usuluddin Bidang Sejarah dan Tamadun Islam pada 2003. Pencapaian beliau ialah menjadi Guru terbaik YIK 1998, Guru terbaik YIK 1999 dan Guru terbaik YIK 2000. Temubual pada Julai 2009.

menyumbang kepada kecermelangan pelajar. Dengan itu, wujudnya keberkatan dalam diri para pelajar.

Cara menangani pelajar yang bermasalah pula, sebagai contoh ponteng sekolah, mencuri dan merokok. Para pelajar yang bermasalah ini kebiasaannya akan ditempatkan di bawah pengawasan guru disiplin ataupun warden sekolah.<sup>78</sup> Pengetua akan menubuhkan sebuah kumpulan bagi mengenalpasti masalah pelajar tersebut. Ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah kecurian tersebut.

Tindakan pihak sekolah bagi menangani disiplin antaranya sekiranya pelajar tersebut terlibat dengan masalah disiplin, pihak sekolah akan mengambil tindakan seperti pelajar tersebut akan dikeluarkan dari kelas tersebut. Seandainya masalah ini masih belum selesai, Ibu bapa atau penjaga akan dipanggil bagi menerangkan permasalahan yang sedang dihadapi oleh pelajar tersebut dan pelajar akan dikenakan hukuman gantung sekolah.

Sekiranya pelajar masih belum berubah, pelajar tersebut akan dikenakan tindakan buang sekolah dan tindakan tatatertib. Tetapi sebelum hukuman dijatuhkan,

---

<sup>78</sup> Ustaz Nasir bin Muhammad Hasbullah, berkelulusan Sarjana Muda Fakulti Bahasa Arab pada tahun 1988 hingga 1992. Diploma Pendidikan UIA 1993. Sarjana Bahasa Arab Moden University Malaya 1998 hingga 2001. Beliau ialah salah seorang pengetua MTAQ Pulau Chondong pada 15 Jan 2003. Sebelum beliau menyandang perjawatan itu, beliau pernah menjadi guru dan menjawat jawatan Penolong Kanan pada Mei 1994 sehingga Jun 1996. Manakala pada Jun 1996 hingga Jan 2003 beliau telah diberi penghormatan sebagai Penolong Kanan Bahagian Pentadbiran. Seterusnya pada Jan 2003 hingga Jul 2004, beliau telah diberi kepercayaan oleh tampuk Pimpinan untuk menjawat jawatan Pengetua MTAQ Pulau Chondong. Selama beliau menjawat jawatan sebagai seorang pengetua tidak wujud kes jenayah dikalangan pelajar. Kes jenayah yang dimaksudkan boleh diklasifikasikan sebagai kes yang melibatkan polis. Pencapaian beliau ialah pernah menjadi Guru Terbaik Balaghah (SMU) dan Guru Terbaik Bahasa Arab Tinggi (SPM). Temubual pada Julai 2009

pihak sekolah memberi peluang kedua untuk pelajar dan Ibu bapa membuat rayuan daripada dijatuhkan hukuman ini.

Punca-punca masalah disiplin dikalangan pelajar antaranya pada tahun 2006, para pelajar diberikan kebebasan sepenuhnya disebabkan wujud proses pembaik pulih bangunan sekolah serta penempatan pelajar, wujud pusat komputer disebelah sekolah dan penggunaan telefon mudah alih secara meluas.<sup>79</sup>

#### **4.7 KESIMPULAN**

Melalui kajian yang telah dilakukan, penyelidik berpendapat hafazan al-Quran telah memberikan suatu impak yang besar kepada seseorang penghafaz al-Quran. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan-keputusan peperiksaan yang telah diduduki oleh pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan, yang terdiri daripada peperiksaan SMU/SMTQ, SPM, dan STU/STTQ/STAM sejak dari tahun 1997 hingga tahun 2007. Peningkatan kecemerlangan yang diperolehi oleh maahad tahfiz ini adalah hasil daripada ketekunan, kesungguhan serta keikhlasan pelajar-pelajarnya mendapatkan ilmu serta dari sudut penghafazan al-Quran.

Penulis mendapati dari tahun 1992 sehingga 2007 kecemerlangan di MTAQPC begitu menyerlah, walaupun terdapat segelintir pelajar yang agak lemah namun pencapaian dan peningkatan setiap tahun membuktikan MTAQPC telah

---

<sup>79</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

berjaya untuk dinobatkan sebagai institusi tahfiz yang cemerlang di rantau ini. Penulis juga merasa bangga kerana institusi ini mampu menghasilkan ramai pelajar yang cemerlang dari sudut ilmu duniawi dan ukhrawi malah dalam masa yang sama mampu melahirkan generasi pemimpin yang disegani, berkredibiliti dan berwawasan yang akan menerajui negara dan dunia pada masa hadapan melalui syakhsiah mulia yang tercerna daripada kekuatan serta keberkatan al-Quran.